

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**RAK 552 – Amalan Profesional Seni Bina**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **Soalan 1** adalah **WAJIB**.

1. Firma anda adalah di antara yang dijemput oleh pihak pengurusan Putra Jaya Holdings Sdn. Bhd. Untuk berbincang berkaitan pelantik sebagai perunding arkitek bagi Kompleks Sukan dan Rekreasi Putra Jaya.

Kompleks tersebut terdiri daripada:-

(a)	Sebuah Stadium terbuka	RM200 juta
(b)	Bangunan Pejabat dan Pelbagai Kemudahan	RM 50 juta
(c)	Asrama dan unit kediaman para atlit	RM 50 juta
		<hr/>
Jumlah		<u>RM300 juta</u>

Tuliskan surat jawapan akan perlantikan firma anda sebagai perunding arkitek sambil menjelaskan skop perkhidmatan yang anda tawarkan, yuran profesional dan status pembayaran kepada firma anda.

(25 markah)

2. (a) Sebagai seorang usahawan dan arkitek profesional, adalah terhad untuk melaksanakan strategi pemasaran perkhidmatan anda.

Bincangkan cara-cara yang anda boleh praktiskan di bawah kod etika profesional bagi memperluaskan lagi pasaran perkhidmatan anda.

- (b) Huraikan jenis-jenis praktis seni bina yang boleh anda daftarkan di bawah peraturan undang-undang yang sedia ada sambil menyatakan akan kebaikan dan keburukan setiap jenis praktis itu.

(25 markah)

3. Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan perkara-perkara berikut:-

- (a) Skim yuran minima Arkitek (Architect minimum scale of fees).
- (b) Surat Pelepasan Arkitek (Architect's Release Letter).
- (c) Perbezaan di antara LAM dan PAM.
- (d) LAM – Kod Etika Profesional (LAM Code Of Professional Practice).
- (e) Pegawai Pengurusan Projek (Project Management Consultant).

(25 markah)

4. Apakah perkara-perkara yang boleh anda pertimbangkan di dalam sesuatu permohonan lanjutan masa kontrak mengikut klausu 23 Borang Skedul dan Perjanjian kepada syarat-syarat Kontrak Binaan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), kontraktor telah memohon lanjutan masa kontrak bagi projek yang sedang ia kendalikan itu sejumlah 120 hari, atas alasan berikut:-
- (a) Bekalan Simen oleh pembekal ada lewat walaupun tempahan telah dibuat awal. Bekalan di dalam negeri adalah berkurangan dan kelewatannya ialah 30 hari.
  - (b) Lukisan dan Dokumen Lengkap Projek hanya dibekalkan sepenuhnya selepas 30 hari daripada tarikh penerimaan tapak.
  - (c) Keadaan masa buruk iaitu hujan sepanjang bulan November dan Disember 2004 menyukarkan kerja binaan infrastruktur luar dan kelewatan adalah 30 hari.
  - (d) Arahan yang diberikan pada 30.12.2004 telah melibatkan tambahan masa selama 30 hari untuk siapkan. (makluman – kerja tambahan tidak melibatkan perjalanan kerja kontrak asal).

Masa kontrak asal ialah 24 bulan (30.1.03 – 30.1.05). Berpandukan klausu 23 lanjutan masa, anda sebagai Pegawai Penguasa, perlu pertimbangkan alasan-alasan di atas dan seterusnya memberikan laporan sokongan masa tambahan yang dianggap patut diberikan kepada kontraktor.

(25 markah)

5. Terangkan dengan ringkas apakah yang anda fahamkan dengan perkara-perkara berikut:-
- (a) Sijil bayaran interim dan proses berikutnya.
  - (b) Arahan pegawai penguasa bawah klausu 2 Borang Kontrak PAM.
  - (c) Sijil Tamat Kerja (C.P.C.) dan perkara-perkara yang berkaitan selepasnya.
  - (d) Kos prima dan kos provisional di dalam kontrak binaan.
  - (e) Timbangtara (Arbitration) dan keputusan yang diberikan adalah muktamad .

(25 markah)

6. (a) Apakah perkara-perkara yang terkandung di dalam sebuah Dokumen Kontrak yang standard dengan kuantiti?
- (b) Apakah perkara-perkara yang anda perlu pertimbangkan sebagai Arkitek Projek atas dokumen-dokumen tender yang dikemukakan, sebelum memilik dan menyokong penender yang layak bagi sesuatu projek binaan untuk Lembaga Jemaah Tender?

(25 markah)